

# Jangan campur tangan tindakan universiti

Utusan, 16/12/2014, m/s : 24

**BATU PAHAT 15 Dis.** - Pihak luar digesa untuk tidak mencampuri sebarang urusan membabitkan semua universiti di negara ini, termasuk berkaitan tindakan tata tertib yang diambil terhadap mana-mana pelajar mereka yang melanggar peraturan universiti.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor (JKNCR), Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, semua universiti diberi kebebasan untuk mendidik pelajar masing-masing dengan cara yang terbaik dan sesuai.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu, tindakan yang diambil pihak universiti adalah berlandaskan undang-undang yang ditetapkan, sama seperti yang dilakukan Ahli Jawatankuasa Tata Tertib Pelajar Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

"Biar pihak universiti sendiri yang mendidik pelajarnya termas-

uk tindakan tata tertib, orang luar digesa agar jangan campur tangan sehingga menjadikan isu seperti ini sebagai bahan politik," katanya dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan Mesyuarat JKNCR Bilangan Ke-3 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Pada Rabu lalu, Presiden Persekutuan Mahasiswa Universiti Melaya (PMUM), Fahmi Zainol digantung pengajian dua semester serta denda RM600 selepas didapati bersalah bagi empat daripada lapan pertuduhan terlibat secara langsung dalam himpunan sempena pidato Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, '40 Tahun: Dari UM ke Penjara' pada 27 Oktober lalu.

Turut berdepan tindakan sama ialah Presiden Pro-Mahasiswa UM, Safwan Shamsuddin yang bersalah dalam dua daripada tiga pertu-

duhan dihadapi.

Sementara itu, Kamarudin berkata, sebuah sekretariat tetap JKNCR akan ditubuhkan bagi membolehkan sebuah badan pemikir bebas berfungsi untuk menjawab isu-isu pendidikan tinggi melibatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan cepat dan berdasarkan fakta yang sebenar.

"Hal ini penting bagi memastikan persepsi masyarakat berhubung isu pengajian tinggi adalah berasaskan senario sebenar pengajian tinggi setelah mengambil kira fakta dan sumber tepat sebelum memberi maklum balas mengenai isu semasa yang dilaporkan media," jelasnya.

Sebagai permulaan kata beliau, sekretariat tetap itu bakal dianggotai ahli-ahli akademik atau pakar dalam bidang berkaitan secara pinjaman dan akan ditempatkan di Kuala Lumpur.